

15/10/1998

RTM siar secara langsung Belanjawan 1999

RADIO Televisyen Malaysia (RTM) akan menghentikan sementara siaran beberapa rancangannya pada 23 Oktober ini bagi memberi laluan kepada pembentangan Belanjawan 1999.

Pembentangan Belanjawan 1999 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama akan disiarkan secara langsung, tepat jam 4 petang.

Perunding Komunikasi Korporat Commercial Airtime Marketing (Commack), Rina Thiagu, berkata rancangan televisyen yang terbabit termasuk Nada Ria, Vista, Fatt Choy Special dan Chinese Serial, yang kebanyakannya disiarkan menerusi TV2.

Bagaimanapun, menurutnya, slot Tayangan Filem Hindi akan disiarkan seperti biasa pada jam 1.30 petang.

Katanya lagi, kebanyakan televisyen yang terbabit adalah yang disiarkan mulai jam 3.30 petang hingga 6 petang.

"Kita ganti dengan pelbagai rancangan televisyen yang diterbitkan khas bersempena acara penting itu. Antaranya Pra-Belanjawan 1999, yang akan akan membicarakan isu semasa dan mengenai apa yang berlaku di sekeliling kita sekarang ini.

"Manakala segmen Post-Budget 1999 pula lebih berkonsepkan imbasan terhadap pembentangan belanjawan itu. Kita akan dapatkan ulasan beberapa komen pakar ekonomi, ahli perniagaan, tokoh tertentu dan orang ramai mengenainya.

"Sekurang-kurangnya, kita dapat tahu bagaimana Belanjawan 1999 dapat membantu ekonomi negara," katanya dalam satu kenyataan kepada Pusparia, baru-baru ini.

(END)